

Headline	12 pasukan berentap Piala TSMK bulan depan
MediaTitle	Berita Harian
Date	10 Oct 2015
Section	Sukan
Page No	57
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily



12 pasukan berentap Piala TSMK bulan depan

Damansara: Liga Bola Sepak bawah 19 Tahun, Piala Tan Sri Mustapha Kamal (Piala TSMK) yang memasuki edisi kelapan tahun ini akan disertai oleh 12 pasukan dengan sepak mula bermula pada 17 November di Padang NPNG.

Juara tahun lalu dan 2013, Kelab Bola Sepak NPNG yang tekad untuk mempertahankan kejuaraan akan mendapat tentangan daripada Chelsea Team; JKM; Puchong Rovers; Persatuan Bola Sepak Daerah (PBSD) Kuala Langat; PBSD Hulu Langat (juara 2011); PBSD Petaling; PBSD Klang; PBSD Gombak; PNSB (juara 2008); Anak Kalumpang dan MISC-MIFA.


Cadang liga B-12

Penaung NPNG FC yang juga Pengerusi MK Land Holdings Bhd, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar berkata sepanjang tujuh siri diadakan sejak tahun 2008, seramai 40 pemain sudah terpilih untuk bermain di peringkat lebih tinggi termasuklah Liga Belia Kebangsaan, Piala Presiden Kebangsaan dan Pasukan Remaja Kebangsaan.

“Sejak mula diadakan liga ini mendatangkan hasil dan keberkesanan dan terbaru pada tahun 2014, pemain seperti Alif Haikal Sabri, Adam Shafiq Fuad, K Kanan terpilih untuk mewakili Pasukan Belia Selangor seterusnya diserapkan dalam Harimau Muda C.

“Muhd Hardee Shamsuri dan P Solomon Raj pula terpilih mewakili pasukan Piala Presiden Selangor sebelum diserapkan dalam Harimau Muda B manakala Zaiful Abdul Hakim dan Satis Raj yang terpilih mewakili pasukan Piala Presiden Selangor diserapkan dalam Harimau Muda A,” katanya pada sidang media selepas menerima tajaan di Menara Mustapha Kamal, semalam.

Dalam perkembangan sama, demi terus memartabatkan industri bola sepak negara, Mustapha Kamal berkata pihaknya akan menganjurkan liga bola sepak bawah 12 tahun (B-12) yang akan memulakan kempen tahun depan. - Oleh Mohd Khairie Khalid



Mustapha Kamal (tiga dari kanan) bergambar bersama penaja pada majlis pelancaran Piala TSMK, semalam.

[FOTO FOSMAN ADNAN/BH]